



# Kecurangan Akademik

KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (TATATERTIB PELAJAR-PEPERIKSAAN) 1999

## Kelakuan semasa peperiksaan

Tiada pelajar boleh:

- (a) mengambil apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain, kecuali yang diberi kuasa oleh pemeriksa, ke dalam atau ke luar dari sesuatu bilik peperiksaan, atau menerima apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain daripada mana-mana orang lain semasa dalam bilik peperiksaan, kecuali seseorang pelajar boleh semasa dia di dalam bilik peperiksaan, menerima daripada pengawas peperiksaan apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda yang telah disyorkan oleh pemeriksa atau Lembaga Pemeriksa, dan diberi kuasa oleh Naib Canselor;
- (b) menulis, atau telah menulis melalui orang lain, apa-apa maklumat atau gambar rajah yang mungkin berkaitan dengan peperiksaan yang didudukinya, di atas tangannya atau di atas mana-mana bahagian lain tubuh badannya, atau di atas pakaianya;
- (c) berhubung dengan mana-mana pelajar lain semasa sesuatu peperiksaan melalui apa-apa jua cara; atau
- (d) menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu atau cuba untuk menipu dalam sesuatu peperiksaan, semasa peperiksaan itu sedang dijalankan.

## Jenis-Jenis Hukuman Di Bawah Jawatankuasa Kecurangan Akademik

Selepas perbicaraan dijalankan, dan jika didapati bersalah, pelajar akan dijatuhkan hukuman berikut :

- (a) Gagal dengan mendapat gred F bagi kursus yang berkaitan dengan kes kecurangan akademik (Gred F bagi kursus terlibat kes kecurangan akademik tidak boleh ditebus); atau
- (b) Gagal dengan gred F kesemua kursus yang didaftarkan bagi semester berkenaan atau sebilangan kursus yang telah diambil sebelum itu bagi semester berkenaan (Gred F bagi kursus terlibat kes kecurangan akademik tidak boleh ditebus); atau
- (c) Gagal dengan gred F semua kursus yang didaftarkan bagi semester berkenaan dan gred F bagi semua kursus tersebut tidak boleh ditebus; atau
- (d) Dalam hal-hal tertentu perkara sebegini akan diperakuan kepada **Pihak Berkuasa Tataterib Pelajar**.

Jika sabit kesalahan, Pihak Berkuasa Tataterib Pelajar boleh menjatuhkan salah satu atau lebih hukuman berikut:

- (a) amaran;
- (b) denda tidak lebih daripada RM200;
- (c) pergantungan daripada mana-mana atau semua kemudahan Universiti selama tempoh yang ditentukan;
- (d) pengeklusian daripada mana-mana bahagian Universiti selama tempoh yang ditentukan;
- (e) penyingkiran daripada Universiti.

Naib Canselor boleh menggunakan budi bicaranya di mana perlu, untuk menahan calon-calon yang melanggar peraturan daripada mengambil sesuatu atau semua peperiksaan sekiranya dia berpuashati ada bukti "prima facie" pelanggaran peraturan tersebut.

Disediakan oleh:  
Unit Peperiksaan,  
Jabatan Hal Ehwal Akademik



# Academic Dishonesty

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (DISCIPLINE OF STUDENTS) RULES 1999

## Conduct during examination

No student shall:

- (a) take any book, paper, document, picture or other things, except those authorized by the examiner, into or out of an examination room, or receive any book, paper, document, picture or other things from any other person while in the examination room, except that a student may, while he is in the examination room, receive from the invigilator such books, papers, documents, pictures or other things which have been recommended by the examiner or Board of Examiners, and authorized by the Vice-Chancellor;
- (b) write, or have written by another person, any information or diagram which may be relevant to the examination he is sitting for, on his hand or on any other part of his anatomy, or on his apparel or clothing;
- (c) communicate with any other student during an examination by whatever means; or
- (d) cheat or attempt to cheat or conduct himself in a manner which can be construed as cheating or attempting to cheat in an examination, while the examination is being conducted.

## Types of Punishment Under the Violation Of Academic Rules Committee

The hearing will be held as soon as possible and if found guilty as charged the accused will be accorded the following judgment:

- (a) failed with a grade F for the relevant course, similar to that imposed for copying; or
- (b) failed with grade F for all the courses registered for the relevant semester or some of the courses already taken for that semester; or
- (c) failed with grade F for all the courses registered for the relevant semester and the grade F given for all courses cannot be redeemed; or
- (d) in specific cases to be referred, with recommendations to the **Students' Disciplinary Board**.

If found guilty as charged, The Students' Disciplinary Board can impose one or more of the following penalty/penalties:

- (a) warning;
- (b) fined, not more than RM200;
- (c) barred from certain or all facilities for the period to be stipulated;
- (d) barred as a student of the University for a stipulated period;
- (e) dropped from the University.

The Vice Chancellor can use his or her discretion where needed to prevent candidates who have breached or violated any rules from taking one or all examinations if he or she is satisfied of a "prima facie" case of a breach.

Prepared by:  
Examination unit,  
Department of Academic Affairs